

15 APR 2002

Amerika-Lambang/I

M'SIA LAMBANG KESTABILAN DI RANTAU INI, KATA PEGAWAI AMERIKA

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Seorang pegawai Amerika Syarikat hari ini berkata Malaysia sebagai sebuah negara sederhana dengan majoriti penduduknya Islam, memainkan peranan penting dalam perang global terhadap keganasan dan merupakan lambang kestabilan di rantau ini.

Timbalan Setiausaha Amerika bagi Asia Timur dan Pasifik James Kelly berkata sejak enam bulan lepas, Amerika berpuas hati dengan sumbangan yang diberikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan dan rakyat Malaysia terhadap usaha antarabangsa untuk membanteras keganasan.

"Kami mahu memperkukuhkan lagi kerjasama kami dalam perkara ini dan mencergaskan lagi hubungan dua hala keseluruhannya," katanya pada majlis taklimat media di kedutaan Amerika di sini mengenai hasil lawatannya ke Malaysia yang bermula Jumaat lepas.

Beliau berkata Amerika gembira kerana Dr Mahathir telah menerima jemputan daripada Presiden George W. Bush untuk melawat Washington dari 13 hingga 15 Mei dan kedua-dua pemimpin dalam pertemuan mereka pastinya akan membincangkan pelbagai isu dua hala dan global.

Semasa lawatan beliau di sini, Kelly yang menyifatkannya sebagai "amat produktif" mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir, beberapa pemimpin kerajaan dan pakar dalam hal ehwal kerajaan serta masyarakat perniagaan Amerika.

Ditanya mengenai lawatan yang dirancang itu, Kelly berkata ada agenda khusus bagi kunjungan itu tetapi mengakui bahawa ia akan diadakan berlatar belakangkan hubungan baik dua hala dan pelbagai perkembangan yang berlaku termasuk pemulihan ekonomi Malaysia.

Beliau berkata Amerika dan Malaysia juga mempunyai hubungan baik dari segi perniagaan dan perdagangan.

"Bagi pihak Presiden Bush, (satu perkara) yang amat penting ialah untuk mengucapkan terima kasih kepada seorang pemimpin yang dihormati atas tindak balas yang memberangsangkan dalam kempen global menentang keganasan," katanya.

Kelly berkata ia akan merupakan satu pertemuan antara dua pemimpin - seorang yang agak muda dan baru memegang jawatan tidak sampai setahun setengah dan seorang lagi yang berpengalaman luas di Asia dan dunia sejak bertahun lamanya -- untuk berkomunikasi secara terus dan jujur.

Beliau juga ditanya mengenai sama ada Amerika berpuashati dengan usaha yang diambil kerajaan di Asia Tenggara untuk memerangi gejala keganasan.

"Kami amat menghargai usaha mereka, kerajaan-kerajaan itu telah memberi respons yang berbeza yang sesuai dengan kedudukan mereka," katanya.

Kelly berkata tindak balas yang begitu positif merupakan antara satu daripada elemen yang mengembirakan rakyat Amerika sejak serangan ganas terhadap New York dan Washington pada 11 Sept.

-- BERNAMA

MAM AHH RON